

16 JAN 2003

Rombakan-Reaksi

PARTI LEBIH PENTING DARI SAYA, KATA ANNUAR MUSA

KOTA BAHARU, 16 Jan (Bernama) -- Datuk Annuar Musa yang hari ini digugurkan sebagai timbalan pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata beliau tidak berkecil hati sebaliknya akan bekerja lebih kuat memastikan Barisan Nasional merampas semula tampuk pemerintahan di Kelantan pada pilihan raya umum akan datang.

Pengganti beliau, Zaid Ibrahim pula berkata beliau akan membayar kepercayaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepadanya dengan bekerja keras untuk membantu Umno dan BN memenangi pilihan raya umum serta meminta semua pihak menghormati keputusan Perdana Menteri dan Presiden Umno itu.

Dr Mahathir hari ini mengumumkan rombakan terhadap barisan kepimpinan Badan Perhubungan Umno Negeri dengan mengekalkan Datuk Mustapa Mohamed sebagai pengerusi dan melantik Zaid, Ketua Bahagian Umno Kota Bharu, sebagai timbalan pengerusi Umno negeri.

Annuar berkata kepentingan parti adalah lebih utama dan tiada sebab bagi dirinya mempersoalkan keputusan itu.

Apa yang lebih penting adalah untuk memastikan BN dapat merampas semula tampuk pemerintahan di Kelantan dan beliau masih boleh menyumbang untuk parti sebagai Ketua Umno Bahagian Peringat dan anggota Majlis Tertinggi Umno, katanya kepada pemberita selepas menghadiri pertemuan anggota Badan Perhubungan Umno Kelantan dengan Dr Mahathir di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini.

Annuar berkata rakyat Kelantan juga sebenarnya mahu melihat perubahan sedemikian dan pengumuman Dr Mahathir itu sebagai merealisasikan hasrat mereka.

"Saya dah lama pegang jawatan ini iaitu sudah 12 tahun. Biarlah muka baru pula yang memegang jawatan ini demi melihat BN menang di Kelantan nanti.

"Saya menyambut baik pengumuman ini dan saya berjanji akan bekerja dengan lebih kuat lagi dan tidak mempunyai perasaan untuk berkecil hati," katanya.

Zaid pula berkata Umno akan memperjelaskan perkara ini kepada semua anggota parti selepas ini dan meminta mereka tidak membuat andaian ia sebagai satu hukuman kepada mana-mana individu.

"Pemimpin datang dan pergi tetapi apa yang lebih penting bagaimana menguatkan parti dan saya berharap ia diterima dengan hati terbuka," katanya.

Mustapa pula berkata pengumuman Perdana Menteri itu adalah perkara biasa dan meminta semua anggota parti menumpukan usaha untuk memastikan BN menang di Kelantan.

"Semua pihak di Kelantan berpuas hati dengan nama-nama baru ini dan semua pihak telah memberikan pandangan masing-masing berhubung jawatan ini," katanya.

Mustapa berkata Umno kini mempunyai gabungan muka lama dan baru dan kesemua mereka itu telah memberi jaminan akan memberikan kerjasama dalam parti.

"Bukan jawatan yang penting tetapi khidmat mereka kepada parti...itu yang penting," katanya.

Veteran Umno dan juga Ketua Umno Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah berharap perubahan jawatan itu akan diterima dengan senang hati oleh semua pihak.

Beliau berkata semua pihak dalam Umno kini perlu mengukuhkan parti dan

melihat perubahan itu sebagai hasrat Perdana Menteri yang mahukan "angin perubahan" berlaku di Kelantan.

"Semua pihak perlu bagi kerjasama kepada mereka yang memimpin ini," katanya.

Rombakan jawatan lain ialah pelantikan Timbalan Ketua Umno Tumpat, Mat Nawawi Mat Jusoh sebagai setiausaha menggantikan Ketua Umno Kubang Kerian, Tuan Mohamed Hashim Tuan Yaacob, Timbalan Ketua Umno Peringat, Mohamed Alwi Che Ahmad dilantik sebagai ketua penerangan menggantikan Datuk Ismail Mamat yang juga Ketua Umno Machang sementara Timbalan Ketua Umno Bachok, Datuk Dr Awang Adek Hussin dilantik sebagai bendahari menggantikan Datuk Dr Nik Hussin Abdul Rahman.

-- BERNAMA

ZI BD RON